KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR

SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2026 PERINGKAT KEBANGSAAN PERKUKUH KOMITMEN MALAYSIA KE ARAH TEKNOLOGI PENYEJUKAN LEBIH MAMPAN

PUTRAJAYA – Sambutan Hari Ozon Sedunia 2026 Peringkat Kebangsaan yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Azuri Azizah binti Haji Saedon di Alamanda Shopping Centre, Putrajaya memperkukuh komitmen Malaysia dalam melindungi lapisan ozon dan menangani perubahan iklim. Bertemakan "Global Action for a Cooler Planet: Celebrating 10 Years of Sustainable Cooling under the Kigali Amendment to the Montreal Protocol", sambutan tahun ini menandakan sedekad Pindaan Kigali yang menitikberatkan pengurangan hidrofluorokarbon (HFC) berpotensi pemanasan global tinggi serta mempercepatkan peralihan kepada teknologi penyejukan yang mampan dan cekap tenaga.

MALAYSIA KOMITED MELAKSANAKAN PROTOKOL MONTREAL

Sejak meratifikasi Protokol Montreal pada tahun 1989, Malaysia telah berjaya menghentikan penggunaan CFC dan Halon sepenuhnya pada tahun 2010 serta mengurangkan hampir 80 peratus penggunaan HCFC dengan sasaran penghapusan penuh menjelang 2030 menerusi HPMP III dan Pelan Pelaksanaan Kigali Peringkat I, di mana pencapaian ini terhasil daripada kerjasama erat antara Kerajaan, industri, dan masyarakat. Pencapaian ini merupakan hasil kerjasama berterusan antara Kerajaan, industri, rakan pembangunan antarabangsa, institusi berkaitan serta masyarakat dalam memastikan obligasi Malaysia di bawah Protokol Montreal dan Pindaan Kigali dapat dilaksanakan secara berkesan.

PENGURUSAN KITAR HAYAT BAHAN PENYEJUK DIPERKUKUH

Malaysia terus memperkukuh kelestarian alam sekitar melalui pendekatan Pengurusan Kitar Hayat Bahan Penyejuk (LRM) bagi mencegah pelepasan gas berbahaya serta merangsang ekonomi kitaran, manakala Jabatan Alam Sekitar (JAS) memperkasakan tadbir urus dan kompetensi industri menerusi penambahbaikan dasar, perundangan, dan panduan teknikal untuk juruteknik. Kejayaan pelaksanaan

Protokol Montreal dan Pindaan Kigali ini memerlukan komitmen menyeluruh daripada industri, institusi latihan, masyarakat, serta pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan peralihan yang mampan dan berkesan.

PERANAN MASYARAKAT DALAM MELINDUNGI LAPISAN OZON

Orang awam memainkan peranan penting dalam melindungi lapisan ozon dan iklim menerusi amalan mampan seperti memilih peralatan penyejukan mesra alam dan cekap tenaga, mendapatkan khidmat penyelenggaraan daripada juruteknik bersijil JAS (CSTP), memastikan pelupusan bahan penyejuk dilakukan dengan betul, serta mengamalkan penjimatan tenaga secara konsisten.

JAS akan terus memastikan dasar, pelan dan strategi berkaitan penghapusan HCFC serta pengurangan HFC dilaksanakan secara berkesan melalui kerjasama semua pihak berkepentingan. Pada masa sama, aspek perundangan, pematuhan dan penguatkuasaan berkaitan bahan penyejuk akan terus diperkukuh selaras dengan perkembangan teknologi serta obligasi Malaysia di bawah Protokol Montreal.

Sambutan Hari Ozon Sedunia 2026 bukan sekadar meraikan pencapaian lalu, tetapi menjadi peringatan bahawa usaha melindungi lapisan ozon dan menangani perubahan iklim perlu diteruskan secara berterusan.

JAS menyeru semua pihak agar terus bekerjasama dan mengamalkan pengurusan bahan penyejuk serta penggunaan teknologi penyejukan yang cekap dan mampan demi alam sekitar yang lebih bersih, sihat dan lestari untuk generasi akan datang.

JABATAN ALAM SEKITAR
3 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 47